

**Empat dilantik anggota Jemaah Pemangku Sultan Kedah**  
**The Malaysian Insider**  
**12 Disember, 2011**

ALOR SETAR, 12 Dis — Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini melantik satu jemaah pemangku Sultan Kedah bagi memastikan pemerintahan negeri berjalan dengan sempurna selepas keberangkatan baginda ke Istana Negara esok.

Anggota jemaah yang dilantik terdiri daripada adinda baginda Datuk Seri Tunku Annuar Sultan Badlishah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, Datuk Seri Tunku Abdul Hamid Thani Sultan Badlishah dan anakanda baginda, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim.

Tunku Annuar dilantik sebagai pengerusi Jemaah Pemangku Sultan.

Istiadat pemasyhuran Jemaah Pemangku Sultan berkenaan diadakan di Istana Anak Bukit, di sini.

Laporan Bernama Online, upacara mengangkat sumpah semua anggota jemaah diadakan di hadapan Sultan Abdul Halim dan Sultanah Haminah Hamidun.

Sultan Abdul Halim akan berangkat ke Istana Negara esok bagi melaksanakan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 selama lima tahun.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/empat-dilantik-anggota-jemaah-pemangku-sultan-kedah/>